

12 DEC 2000

Hishammuddin-Suqiu

PEMUDA UMNO TIDAK TOLAK ANSUR TUNTUTAN SUQIU

CYBERJAYA, 12 Dis (Bernama) -- Pemuda Umno tetap tidak akan bertolak ansur dengan tuntutan jawatankuasa rayuan pilihan raya persatuan-persatuan Cina (Suqiu) yang banyak menyentuh hak istimewa orang Melayu.

Ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, tuntutan-tuntutan Suqiu, yang menyentuh hak istimewa orang Melayu dan dibangkitkan pada tahun lepas, lebih mirip kepada corak ekstrim.

"Jangan sekali-kali sentuh perkara sensitif seperti ini terutama pada khalayak ramai kerana ia boleh menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat negara ini," katanya pada sidang media selepas melawat projek rumah pintar Cyberia dan pembangunan Cyberjaya di sini hari ini.

Hishammuddin, Menteri Belia dan Sukan, mengetuai rombongan seramai 45 orang dari kementerian itu untuk menghadiri taklimat mengenai projek pembangunan Cyberjaya.

Beliau berkata, generasi muda perlu didedahkan dengan segala cabaran yang bakal dihadapi pada masa akan datang, terutamanya dengan perkembangan teknologi maklumat dan menjelang era globalisasi.

"Jika ada pihak tertentu menuntut isu-isu sensitif, ini akan membantutkan perkembangan generasi muda, yang telah didedahkan dengan perkembangan dunia teknologi itu," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat bahawa jika kesemua 83 tuntutan Suqiu yang terkandung di bawah 17 tajuk, diterima, bermakna Perlembagaan Malaysia dan kontrak sosial yang menjadi asas negara pelbagai kaum terpaksa diketepikan.

Jika ini terpaksa dilakukan Malaysia tidak lagi akan aman dan tidak mungkin maju. kata beliau.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno bersama dengan Pemuda dalam parti komponen Barisan Nasional sentiasa berbincang bagi mengeratkan perpaduan di kalangan generasi muda pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Mengenai perkembangan Cyberjaya, beliau berkata, kemudahan teknologi yang ada di situ perlu di dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan pengetahuan dan ilmu kepada generasi muda.

Katanya, Kementerian Belia dan Sukan bersedia bekerjasama dengan pemaaju projek pembangunan di Cyberjaya bagi menyediakan pelbagai program dan kemudahan untuk generasi muda.

Sempena lawatan ke Cyberjaya, rombongan itu turut dibawa melawat Universiti Multimedia, MSC Central Incubator, Ibu Pejabat MDC, City Command Centre, Cyberview Lodge dan kompleks pejabat Century Square.

Beliau turut diiringi pengerusi eksekutif Kumpulan MK, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

-- BERNAMA

RZS AFY NMO